

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 2 Julai 2021



KENYATAAN MEDIA
BAGI INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI,
MALAYSIA, MEI 2021

Indeks nilai seunit eksport & import Malaysia terus mencatatkan pertumbuhan positif pada Mei 2021


PUTRAJAYA, 2 JULAI 2021 – Di sebalik ketidaktentuan aktiviti ekonomi, indeks nilai seunit eksport dan import Malaysia terus mencatatkan pertumbuhan positif pada Mei 2021, masing-masing pada 0.7 peratus dan 0.9 peratus bulan ke bulan, sebagai mana dilaporkan dalam laporan **INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI (2010=100), MEI 2021** pada hari ini. Laporan ini memaparkan statistik indeks nilai seunit dan indeks volum mengikut seksyen bagi eksport dan import barangan.

Mengulas terhadap laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Indeks nilai seunit eksport mencatatkan kenaikan 0.7 peratus pada Mei 2020 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh kenaikan indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (+3.1%), minyak galian (+1.3%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+0.2%). Sebaliknya, indeks volum eksport menunjukkan penurunan 13.2 peratus pada bulan yang sama, disumbangkan oleh kejatuhan indeks minyak galian (-20.9%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-15.4%) dan pelbagai barang keluaran kilang (-13.1%). Indeks volum eksport pelarasan bermusim menyusut 12.8 peratus daripada 163.6 mata kepada 142.6 mata. Berbanding tahun sebelumnya, kedua-dua indeks nilai seunit dan volum eksport masing-masing meningkat 10.7 peratus dan 33.1 peratus.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut berkata “Indeks nilai seunit import naik 0.9 peratus pada Mei 2021 berbanding bulan sebelumnya. Kenaikan ini disumbangkan oleh pertumbuhan indeks minyak galian (+7.1%), pelbagai urus niaga & barangan (+3.0%) dan barang-barang keluaran kilang (+0.9%). Sementara itu, indeks volum import menunjukkan trend yang berbeza dengan kejatuhan 8.6 peratus pada Mei 2021 berbanding bulan sebelum. Kejatuhan indeks volum import disumbangkan oleh penurunan indeks minyak galian (-34.4%), barang-barang keluaran kilang (-4.4%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-2.3%). Indeks volum import pelarasan bermusim pada Mei 2021 susut 10.3 peratus daripada 166.1 mata kepada 149.0 mata. Berbanding tahun sebelumnya, kedua-dua indeks nilai seunit dan volum import masing-masing bertumbuh 3.8 peratus dan 44.8 peratus.”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) turut melaporkan terma perdagangan Malaysia menyusut 0.2 peratus bulan ke bulan daripada 103.7 mata kepada 103.5 mata pada Mei 2021. Berasaskan tahun ke tahun, prestasi terma perdagangan Malaysia kekal positif 6.6 peratus daripada 97.1 mata pada Mei tahun lalu.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara dalam talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga liputan penuh dapat dicapai. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.



Carta 1: Peratus Perubahan Bulan ke Bulan bagi Indeks Nilai Seunit Eksport & Import Januari 2019 – Mei 2021

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
2 JULAI 2021

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, July 2nd 2021



**MEDIA STATEMENT
FOR EXTERNAL TRADE INDICES,
MALAYSIA, MAY 2021**

Malaysia's export & import unit value indices continued to record positive growths in May 2021


PUTRAJAYA, JULY 2, 2021 – In spite of the uncertainty of economic activities, Malaysia's export and import unit value indices continued to record a positive growth in May 2021, at 0.7 per cent and 0.9 per cent, respectively on monthly basis, as reported today in **EXTERNAL TRADE INDICES (2010=100), MAY 2021**. This report presents the unit value and volume index by sections for both exports and imports of goods.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia, said "The export unit value index posted a positive growth of 0.7 per cent in May 2021 as compared with the previous month, driven by the increases in the index of animal & vegetable oils & fats (+3.1%), mineral fuels (+1.3%) and machinery & transport equipment (+0.2%). On the other hand, the export volume index recorded a decline of 13.2 per cent in the same month. The decline was reflected by the decreases in the index of mineral fuels (-20.9%), machinery & transport equipment (-15.4%) and miscellaneous manufactured articles (-13.1%). The seasonally adjusted export volume index registered a decrease of 12.8 per cent from 163.6 points to 142.6 points. When compared to the previous year, both the export unit value and volume indices rose 10.7 per cent and 33.1 per cent, respectively."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also commented, "The import unit value index increased 0.9 per cent in May 2021 as compared with the previous month. The increment was contributed by the growths in the index of mineral fuels (+7.1%), miscellaneous transactions & commodities (+3.0%) and manufactured goods (+0.9%). Meanwhile, the import volume index showed a different trend, decreased 8.6 per cent in May 2021 as compared to the preceding month. The downward trend in the import volume index was attributed to the deterioration in the index of mineral fuels (-34.4%), manufactured goods (-4.4%) and machinery & transport equipment (-2.3%). The seasonally adjusted import volume index in May 2021 declined 10.3 per cent from 166.1 points to 149.0 points. On a year-on-year basis, both the import unit value and volume indices expanded 3.8 per cent and 44.8 per cent, respectively."

Department of Statistics Malaysia (DOSM) also reported that Malaysia's terms of trade recorded a decline of 0.2 per cent month-on-month from 103.7 points to 103.5 points in May 2021. On a year-on-year basis, Malaysia's terms of trade performance remained positive at 6.6 per cent from 97.1 points in May of previous year.

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via online (e-Census) is being conducted nationwide until full coverage has been accomplished. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.



**Chart 1: Month-on-Month Percentage Change of Export & Import Unit Value Indices
January 2019 – May 2021**

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

2 JULY 2021